

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/341297238>

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR BAHASA INGGERIS GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Article · May 2020

CITATIONS

0

READS

164

3 authors, including:



Nur Nazuha

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

12 PUBLICATIONS 7 CITATIONS

SEE PROFILE



Nordin Mamat

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

37 PUBLICATIONS 40 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Pembinaan, Kesahan, Kebolehppercayaan dan Kesan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Di Kalangan Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak [View project](#)

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR BAHASA INGGERIS (MPEBI) GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz¹
Nordin Mamat²

¹ Pusat Perkembangan dan Penyelidikan Kanak-Kanak Negara

² Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

bibiyana_aziz@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan kesahan pakar ialah Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Strategi dan Aktiviti Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Seramai sembilan orang pakar dalam menentukan kesahan aktiviti modul dipilih. Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKMPEBI) merupakan instrumen yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan modul dengan memilih 30 orang guru Tadika Islam sebagai responden kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi berdasarkan persetujuan pakar dan juga tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Implikasi kajian adalah dapat menghasilkan sebuah modul latihan yang mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi yang mana akan menjamin kualiti keberkesanan modul dalam meningkatkan tahap efikasi guru pendidikan awal kanak-kanak mengajar Bahasa Inggeris.

Kata Kunci: Kesahan, kebolehpercayaan, instrumen, Teori Efikasi Kendiri Bandura dan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak

PENGENALAN

Dalam arus pembangunan negara yang kian pesat, Bahasa Inggeris telah menjadi salah satu bahasa komunikasi yang amat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sistem pendidikan awal kanak-kanak juga amat mementingkan penguasaan kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris khususnya kepada kemahiran bertutur. Namun begitu, berdasarkan laporan pemantauan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dan kajian-kajian yang telah dijalankan setelah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) dilaksanakan mendapati ramai guru pendidikan awal kanak-kanak tidak ada keyakinan diri dan efikasi sendiri untuk mengajar Bahasa Inggeris kerana mereka bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris. Efikasi sendiri memainkan peranan yang sangat penting dalam penggunaan Bahasa Inggeris dan dianggap faktor yang kritikal yang mana boleh mempengaruhi tahap kemahiran Bahasa Inggeris individu. Konsep efikasi sendiri pertama kali telah diperkenalkan oleh Bandura (1970). Ia didefinisikan sebagai keyakinan individu dengan kebolehan diri untuk menyelesaikan tugas-tugas akademik (Bandura, 1997, Pajares, 1996, Zimmerman, 2000). Menurut Haleh & Mahnaz (2015), efikasi sendiri sangat berkait rapat dengan penggunaan dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Justeru itu, setelah mendapati kepentingan efikasi sendiri dalam penggunaan / pembelajaran Bahasa Inggeris, maka penyelidik telah membina sebuah modul latihan berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura bagi meningkatkan tahap efikasi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak telah dibina berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura. Dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura terdapat empat komponen utama yang boleh mempengaruhi efikasi iaitu pengalaman dan pengetahuan lepas, pemerhatian terhadap pengajaran orang lain, penilaian terhadap pengajaran yang dijalankan dan perubahan fisiologi dan emosi. Draf modul yang dihasilkan mengandungi enam strategi iaitu Strategi 1 : Pengenalan yang mengandungi Aktiviti 1 : Mengenali Teori Efikasi Kendiri Bandura dan Aktiviti 2 : Efikasi Kendiri Guru. Strategi 2 : Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris yang mengandungi Aktiviti 1 : Lihat Efikasi Orang Lain, Aktiviti 2 : Pengetahuan Guru, Aktiviti 3 : Pemikiran Reflektif dan Aktiviti 4 : Pembelajaran Kendiri. Strategi 3 : Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran mengandungi Aktiviti 1 : Bimbingan Rakanku, Aktiviti 2 : Mentorku, Aktiviti 3 : Motivasi dan Aktiviti 4 : Belajar Menerusi Pemerhatian. Strategi 4 : Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran mengandungi Aktiviti 1 : Kritikan Video, Aktiviti 2 : Jom Tulis Rancangan Pengajaran, Aktiviti 3 : Jom Praktik Pengajaran dan Aktiviti 4 : Maklum Balas Bukannya Kegagalan. Strategi 5 : Pembangunan Emosi Diri mengandungi Aktiviti 1 : Perubahan Fisiologi dan Emosi, Aktiviti 2 : Mengawal Tekanan, Aktiviti 3 : Piramid Perubahan Tingkah Laku dan Aktiviti 4 : Positif Minda Dengan Bahasa Inggeris. Strategi 6 : Penutup – Transformasi Diri mengandungi Aktiviti 1 : Fikirkan Boleh dan Aktiviti 2 : Transformasi Minda. Draf modul yang lengkap perlu menjalani kesahan kandungan modul oleh pakar-pakar bidang dan pakar pembangunan modul serta perlu menjalani proses kebolehpercayaan modul tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa perubahan kurikulum yang telah berlaku dalam pengajaran Bahasa Inggeris di negara kita. Pada tahun 2010, telah berlaku perubahan ketara bagi tempoh pengajaran Bahasa Inggeris dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) iaitu pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris sebanyak 600 minit seminggu (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris bagi menggantikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Memperkukuh Bahasa Inggeris dilaksanakan dengan penuh kesedaran bahawa Bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi yang perlu dikuasai generasi muda untuk persediaan bersaing di peringkat nasional dan global.

Kemudian, *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) atau lebih dikenali sebagai program peningkatan pencapaian murid dalam penguasaan literasi dan numerasi. LINUS 2.0 mula diperkenalkan dalam tahun 2013 yang merangkumi *Basic Literacy in English* bertujuan untuk membantu murid-murid menguasai Bahasa Inggeris. Melalui program ini, murid-murid yang menghadapi masalah literasi Bahasa Inggeris akan menerima bantuan dan sokongan tambahan bagi membolehkan mereka setara dengan rakan-rakan lain dalam arus perdana. Isu yang terkini adalah Kursus '*Common European Framework of References*' (CEFR) telah dilaksanakan bermula tahun 2016 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan standard pengajaran Bahasa Inggeris agar sejajar dengan piawaian antarabangsa dan disokong oleh sistem pelaksanaan berkualiti.

Rentetan beberapa perubahan dalam sistem pendidikan Malaysia berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, maka pembangunan modul ini merupakan usaha yang boleh dijalankan bagi membantu guru prasekolah dan guru pendidikan awal kanak-kanak yang bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris untuk lebih berkeyakinan dalam mengajar Bahasa Inggeris. Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak merupakan sebuah modul latihan yang dapat meningkatkan tahap efikasi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris.

OBJEKTIF KAJIAN/ TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif seperti berikut:

1. Menentukan kesahan kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan persetujuan pakar.
2. Menentukan kebolehpercayaan kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap kesahan kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan persetujuan pakar.
2. Apakah tahap kebolehpercayaan kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

TINJAUAN LITERATUR

Pembinaan aktiviti modul yang lengkap perlu ditentukan dari aspek kesahannya, supaya aktiviti-aktiviti di dalam modul benar-benar membantu pengguna modul untuk menguasai objektif yang telah dinyatakan. Di antara perkara-perkara penting yang perlu diambil kira dalam menentukan sesebuah modul mempunyai kesahan adalah dengan mengenal pasti sama ada aktiviti modul menepati sasaran populasi, memastikan kaedah pelaksanaan aktiviti modul adalah efektif, masa yang diambil untuk menghabiskan aktiviti modul mencukupi, aktiviti modul berjaya meningkatkan prestasi pencapaian pengguna modul dan aktiviti modul berjaya mengubah sikap pengguna modul ke arah lebih cemerlang (Russell, 1974).

Namun begitu, proses terpenting dalam menentukan kesahan sesuatu aktiviti modul adalah ketika proses mencuba aktiviti modul tersebut dengan melihat maklum balas daripada pengguna modul. Penentuan kesahan sesuatu aktiviti modul bukanlah sesuatu yang mudah kerana sifat aktiviti modul yang abstrak. Untuk menentukan kesahan sesuatu alat ukuran atau aktiviti modul, kaedah yang boleh digunakan ialah meminta pandangan pakar seperti yang disarankan oleh Mohd. Majid Konting (2004).

Menurut Sharifah Alwiyah (1981) berbagai-bagai aktiviti boleh dimuatkan ke dalam sesebuah modul, mengikut keperluan objektif pembelajaran. Ini bermakna setiap aktiviti yang disediakan di dalam sesebuah modul adalah bertujuan untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Sidek dan Jamaludin (2005), menyatakan modul yang telah dibina perlu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi agar boleh diterima pakai dalam jangka masa yang panjang. Menurut Sidek (2001) kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan sesuatu modul mempunyai persamaan dengan kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan ujian atau alat ukuran. Ini kerana kedua-duanya sama ada modul atau alat ukur merupakan alat yang dibangunkan khusus untuk tujuan tertentu.

Seperti soal selidik kajian, pembinaan modul latihan juga perlu diuji kebolehpercayaannya. Ini dijelaskan oleh Sidek dan Jamaludin (2005) bahawa di samping mendapatkan kesahan kandungan dari pakar-pakar mengenai sesuatu modul, modul ini juga perlu diuji kebolehpercayaannya. Ini bagi memastikan modul yang dibina mempunyai ketekalan yang tinggi dalam merawat aspek yang sepatutnya dirawat seperti dalam objektif modul. Russell (1974) mengatakan bahawa untuk menguji kebolehpercayaan sesuatu modul perlu melihat sejauh mana pengguna modul dapat mengikuti kandungan modul. Manakala, Sidek (2002) menjelaskan terdapat dua kaedah untuk menguji kebolehpercayaan sesuatu modul iaitu melalui langkah-langkah dalam setiap aktiviti atau melalui objektif di dalam sesuatu modul. Oleh yang demikian, Sidek dan Jamaludin (2005) merumuskan bahawa untuk menguji nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul, kaedah mencipta soal selidik atau item-item soalan

bolehlah berdasarkan langkah-langkah aktiviti modul ataupun berdasarkan kepada objektif-objektif modul tersebut.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul, proses terpenting yang perlu dilakukan oleh penyelidik ialah menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan sesuatu modul bagi memastikan kebolehlaksanaan sesebuah modul yang dibina. Menurut Jamaludin (2016), kebolehlaksanaan sesuatu modul adalah ketika proses mencuba aktiviti modul tersebut dengan melihat maklum balas daripada peserta. Melalui maklum balas tersebut, pembina modul akan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dalam meningkatkan lagi kualiti aktiviti modul tersebut. Ketika proses mencuba aktiviti modul yang boleh dilaksanakan melalui kajian rintis, maka seseorang pembina aktiviti modul boleh melihat komen-komen sama ada secara bertulis atau secara lisan yang dilakukan oleh pelajar ataupun komen-komen yang dilakukan oleh pembina aktiviti modul itu sendiri bersama-sama dengan guru-guru dan fasilitator.

Hasilnya, beberapa kesalahan akan dapat dikenal pasti seperti kesesuaian aktiviti, kesalahan ejaan, kesalahan struktur ayat, penggunaan masa untuk menghabiskan aktiviti dalam aktiviti modul, kesesuaian aktiviti modul dengan tahap kebolehan pelajar, kejelasan objektif, kejelasan langkah-langkah aktiviti, kejelasan arahan aktiviti modul dan seumpamanya. Melalui kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti itu, maka pembina aktiviti modul akan melakukan pembetulan, pembaikan, pemurnian aktiviti modul tersebut dan seterusnya melakukan kajian rintis sekali lagi sehinggalah aktiviti modul tersebut boleh digunakan semula.

Aktiviti modul yang telah siap dibina selalunya digunakan untuk membantu pelajar mencapai pelbagai objektif yang telah dinyatakan. Adalah diharapkan, apabila pengguna modul telah mengikuti sesuatu aktiviti modul, maka perubahan akan berlaku pada diri pengguna modul berkenaan seperti meningkatnya motivasi, dapat meningkatkan usaha ke arah lebih cemerlang, dapat berdaya saing, dapat berdikari dan dapat membantu orang lain yang memerlukannya. Sebaik-baiknya perubahan pada diri pengguna modul itu bukan bersifat sementara sahaja tetapi biarlah berkekalan buat selama-lamanya. Oleh yang demikian, aktiviti modul yang telah dibina seharusnya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi agar ia boleh diterima pakai untuk jangka masa yang berpanjangan dan amat penting dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul (Jamaludin, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan terhadap nilai pekali kesahan dan kebolehpercayaan dengan menggunakan soal selidik

Responden Kajian/Sampel

Bagi menentukan kesahan kandungan modul, seramai sembilan orang pakar aktiviti modul telah terlibat. Bagi menentukan kebolehpercayaan modul pula seramai 30 orang guru Tadika Islam Negeri Perak yang terlibat. Jadual 1 menunjukkan senarai kesahan pakar kandungan MPEBI.

Jadual

1.

Senarai pakar kesahan kandungan modul

Kepakaran	Bidang	Bilangan
Pensyarah Kanan	Pembangunan modul, kaunseling	4 orang
Pengasas & Pelaksana Program Kanak-Kanak	Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Bahasa Inggeris	1 orang
Pensyarah Akademik Kanan	Pendidikan Awal Kanak-Kanak & Prasekolah	3 orang
Pensyarah Kanan	Pedagogi	1 orang

Instrumen

Kajian ini menggunakan Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan Russell (1974) dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Strategi dan Aktiviti Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010). Bagi menilai kebolehpercayaan Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKMPEBI) digunakan.

Prosedur Pengumpulan Data

Terdapat beberapa proses untuk melakukan kesahan kandungan modul yang perlu diikuti. Setiap pakar aktiviti modul akan diberikan satu set aktiviti Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang telah siap dibina untuk dibaca, dikaji, diteliti dan ditentukan isi kandungannya. Setelah pakar modul menjalankan penelitian aktiviti modul maka akhirnya pakar akan diminta untuk mengisi Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan Russell (1974) dan Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Strategi dan Aktiviti Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010) yang telah dibekalkan. Pakar modul juga dikehendaki memberi komen, respons,

maklum balas dan cadangan pada ruangan yang telah disediakan. Tujuan ruangan pandangan pakar disediakan adalah untuk membolehkan komen secara bertulis terhadap kesesuaian strategi, aktiviti-aktiviti dan keseluruhan isi kandungan aktiviti modul. Pandangan tersebut menjadi bahan atau idea pengukuhan dan pemantapan sesuatu aktiviti modul yang telah diteliti oleh pakar (Jamaludin Ahmad, 2016).

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) terdapat dua kaedah untuk menguji nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul iaitu kaedah mencipta soal selidik atau item-item soalan berdasarkan langkah-langkah aktiviti modul ataupun berdasarkan kepada objektif-objektif modul tersebut. Sehubungan itu Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak dibina oleh penyelidik berdasarkan langkah-langkah dalam aktiviti modul untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Ini kerana setiap langkah-langkah dalam aktiviti modul menentukan sama ada pengguna modul telah menguasai objektif modul tersebut. Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak ini mempunyai 95 item soalan yang ditadbirkan ke atas 30 pelajar yang mengikuti Bengkel Latihan Meningkatkan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Tadika Islam yang dijalankan secara kajian rintis.

Analisis Data

Untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti modul mempunyai kesahan kandungan yang baik, maka pandangan Tuckman dan Waheed (1981) dan Abu Bakar Nordin (1995), yang menyatakan bahawa aras penguasaan atau pencapaian 70 peratus dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Oleh yang demikian, sesuatu aktiviti modul yang telah diisi oleh pakar akan dikira nilai peratusannya dengan menggunakan formula yang berikut :

$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Kesahan Skor Maksimum (y)}} \times 100 = \text{Tahap Penguasaan Kandungan}$
--

Rajah 1 : Formula kesahan kandungan modul Sidek & Jamaludin (2005)

Jumlah skor yang diberikan oleh pakar melalui skala Likert akan dijumlahkan (x) dan skor ini akan dibahagikan dengan skor maksimum skala Likert dan kemudiannya didarabkan dengan 100. Peratusan yang diperoleh melebihi 70 peratus maka aktiviti Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak mempunyai kesahan kandungan yang baik dan sebaliknya jika peratusan yang diperoleh kurang daripada 70 peratus maka aktiviti modul tersebut tidak mempunyai kesahan kandungan yang baik.

Kaedah menentukan nilai pekali kebolehppercayaan MPEBI

Item-item soalan kebolehppercayaan dibina berdasarkan langkah-langkah yang terdapat di dalam setiap aktiviti MPEBI. Soal selidik SKMPEBI ini memerlukan jawapan berbentuk skala likert empat mata iaitu Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Bersetuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1). Jumlah item kebolehppercayaan MPEBI adalah sebanyak 95 yang merupakan gabungan item-item keseluruhan aktiviti bagi 6 strategi efikasi mengajar Bahasa Inggeris. Jumlah item kebolehppercayaan bagi setiap sub modul MPEBI adalah seperti berikut; Strategi 1 : Pengenalan MPEBI (16 item), Strategi 2 : Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris (22 item), Strategi 3 : Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran (19 item), Strategi 4 : Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran (18 item), Strategi 5 : Pembangunan Emosi Diri (14 item) dan Strategi 6 : Penutup – Transformasi Diri (6 item). Jumlah item adalah bergantung pada jumlah langkah-langkah aktiviti dalam sub-sub modul MPEBI.

Soal selidik SKMPEBI dianalisis dengan menggunakan prosedur Cronbach Alpha bagi mengukur kebolehppercayaan MPEBI. Data kebolehppercayaan MPEBI dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For The Social Sciences* (SPSS) 21. Dalam menentukan nilai kebolehppercayaan MPEBI, pengkaji menerima pandangan Chua (2006, 2012) yang menyatakan nilai pekali kebolehppercayaan yang lebih dari 0.60 merupakan nilai yang sesuai dan sering digunakan oleh kebanyakan pengkaji.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jamaludin (2016), kesahan kandungan modul merujuk kepada beberapa perkara iaitu mengenal pasti sama ada aktiviti modul menepati sasaran populasi, memastikan kaedah pelaksanaan aktiviti modul adalah efektif, masa yang diambil untuk menghabiskan aktiviti modul mencukupi, aktiviti modul berjaya meningkatkan prestasi pencapaian pengguna modul dan aktiviti modul berjaya mengubah sikap pengguna modul ke arah lebih cemerlang. Jadual di bawah menunjukkan tahap persetujuan pakar dalam menentukan kesahan kandungan MPEBI.

Jadual

2.

Nilai kesahan mengikut kesahan modul Russell (1974) MPEBI berdasarkan penilaian sembilan panel pakar (n=9)

Pernyataan Panel	Pandangan	Peratus Pakar	Keputusan
Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya		84.4	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna		84.4	Diterima
		85.5	Diterima
Kandungan modul ini			

bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	86.6	Diterima
Kandungan modul ini boleh meningkatkan pengetahuan dalam efikasi guru mengajar Bahasa Inggeris	82.2	Diterima
Kandungan modul ini boleh mengurangkan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris		
Jumlah Kesahan	84.6	Diterima
Kandungan MPEBI		

Jadual 2 menunjukkan bahawa nilai peratusan minimum ialah 82.2% bagi pernyataan bahawa kandungan modul ini boleh mengurangkan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Manakala peratusan maksimum ialah 86.6% iaitu pernyataan bahawa kandungan modul ini boleh meningkatkan pengetahuan dalam efikasi guru mengajar Bahasa Inggeris. Keseluruhannya, kandungan modul menepati dan bersesuaian dengan lima pernyataan kesahan modul yang dinilai iaitu 84.6%. Perbezaan nilai kesahan yang minimum dan maksimum yang tidak ketara juga menunjukkan dalam menilai MPEBI tidak wujud perbezaan pandangan pakar yang ketara.

Di samping penilaian kesahan kandungan modul berdasarkan Russell (1974), penyelidik juga membina soal selidik kebolehppercayaan berdasarkan strategi dan aktiviti. Jadual di bawah menunjukkan tahap persetujuan pakar dalam menentukan kesahan kandungan MPEBI berdasarkan strategi dan aktiviti.

Jadual 3.

Kesahan Kandungan Modul Berdasarkan Aktiviti Menurut Mohammad Aziz Shah (2010)
Oleh Sembilan Panel Pakar

Sub Modul / Aktiviti	Peratus Pakar	Pandangan Pakar
Strategi 1 : Pengenalan MPE-BI		
Aktiviti 1 : Mengenali Teori Efikasi Kendiri Bandura	78.8	Diterima
Aktiviti 2 : Pemerkasaan Diri	82.2	Diterima
Strategi 2 : Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris		
Aktiviti 1 : Menggapai Bintang	84.4	Diterima
Aktiviti 2: Pengetahuan Pedagogi Bahasa Inggeris	85.5	Diterima
Aktiviti 3 : Prestasi Pengajaran Lepas	86.6	Diterima

Aktiviti 4 : Pengetahuan Kandungan	84.4	Diterima
Strategi 3 : Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran		
Aktiviti 1 : Bimbingan Rakanku	87.7	Diterima
Aktiviti 2 : Mentorku	87.7	Diterima
Aktiviti 3 : Aku Pun Hebat	84.4	Diterima
Aktiviti 4 : Jom Praktik	83.3	Diterima
Strategi 4 : Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran		
Aktiviti 1 : Kritikan Video	85.5	Diterima
Aktiviti 2 : Pengajaran Mikro	84.4	Diterima
Aktiviti 3 : Jom Tulis Rancangan	87.7	Diterima
Pengajaran		
Aktiviti 4 : Positifkan Minda	88.8	Diterima
Strategi 5 : Pembangunan Emosi Diri		
Aktiviti 1 : Menjana Idea	85.5	Diterima
Aktiviti 2 : Mengawal Tekanan	85.5	Diterima
Aktiviti 3 : Kepercayaan Efikasi Guru	86.6	Diterima
Aktiviti 4 : Saya Cinta Bahasa Inggeris	88.8	Diterima
Strategi 6 : Penutup (Transformasi Diri)		
Aktiviti 1 : Peta Mindaku	88.8	Diterima
Aktiviti 2 : Kau Boleh Lakukannya	82.2	Diterima
Nilai kesahan sub modul aktiviti MPEBI	85.4	Diterima

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan bahawa peratusan bagi 20 aktiviti dalam MPEBI. Bagi peratusan minimum ialah 78.8% iaitu bagi Strategi 1 : Aktiviti 1 : Mengenali Teori Efikasi Kendiri Bandura. Manakala peratusan maksimum ialah 88.8% iaitu bagi Strategi 4 : Aktiviti 4, Strategi 5 : Aktiviti Saya Cinta Bahasa Inggeris dan Strategi 6 : Aktiviti 1 : Peta Mindaku. Justeru, berdasarkan analisis keseluruhan nilai peratusan adalah melebihi 70%. Ini bermakna tahap kesahan MPEBI adalah boleh dipercayai dan mempunyai ketekalan yang kuat.

Di samping penyelidik mendapatkan kesahan kandungan modul berdasarkan pandangan pakar, penyelidik juga perlu mendapatkan kebolehppercayaan kandungan modul bagi menjamin kebolehlaksanaan modul dalam lapangan sebenar. Berikut merupakan dapatan pengujian kebolehppercayaan berdasarkan strategi dan aktiviti MPEBI dengan menggunakan analisis Cronbach alpha.

Jadual 4

Nilai kebolehppercayaan aktiviti-aktiviti dalam enam strategi MPEBI

Sub Modul / Aktiviti	Nilai α	Keputusan
Pengenalan MPEBI		
Aktiviti 1 : Mengenali Teori Efikasi Kendiri	.843	Diterima

Bandura (TEKB) Aktiviti 2 : Efikasi Kendiri Guru		
Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris Aktiviti 1 : Lihat Efikasi Orang Lain Aktiviti 2 : Pengetahuan Guru Aktiviti 3 : Pemikiran Reflektif Aktiviti 4 : Pembelajaran Kendiri	.896	Diterima
Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran Aktiviti 1 : Bimbingan Rakanku Aktiviti 2 : Mentorku Aktiviti 3 : Motivasi Aktiviti 4 : Belajar Menerusi Pemerhatian	.924	Diterima
Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran Aktiviti 1 : Kritikan Video Aktiviti 2 : Jom Tulis Rancangan Pengajaran Aktiviti 3 : Jom Praktik Pengajaran Aktiviti 4 : Maklum Balas Bukannya Kegagalan	.932	Diterima
Pembangunan Emosi Diri Aktiviti 1 : Perubahan Fisiologi dan Emosi Aktiviti 2 : Mengawal Tekanan Aktiviti 3 : Piramid Perubahan Tingkah Laku Aktiviti 4 : Positif Minda Dengan Bahasa Inggeris	.888	Diterima
Penutup – Transformasi Diri Aktiviti 1 : Fikirkan Boleh Aktiviti 2 : Transformasi Minda	.680	Diterima
Jumlah Keseluruhan Aktiviti MPEBI	.967	Diterima

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai alpha Cronbach bagi keseluruhan MPEBI adalah .967. Nilai alpha Cronbach (α) yang tertinggi adalah bagi Strategi 4 : Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran iaitu .932. Bagi aktiviti yang mencatatkan nilai alpha Cronbach (α) yang terendah adalah Strategi 6 : Penutup – Transformasi Diri iaitu .680. Nilai alpha Cronbach bagi kesemua aktiviti MPEBI melebihi nilai .60. Justeru itu penyelidik menerima saranan Mohd Najib (2004), Chua (2006, 2012) dan Mariah Kamaruddin (2017) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi .60. Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua aktiviti MPEBI mencatatkan keputusan nilai Cronbach alpha melebihi .60, ini membuktikan nilai kebolehpercayaan MPEBI adalah tinggi, boleh diterima dan boleh dipercayai untuk digunakan sebagai rawatan dalam kumpulan rawatan dalam meningkatkan efikasi mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris.

KESIMPULAN

Rumusannya, dalam pembangunan sesuatu modul, pembina modul perlu menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan modul tersebut bagi menilai kesesuaian aktiviti, kesalahan ejaan, kesalahan struktur ayat, penggunaan masa untuk menghabiskan aktiviti

dalam aktiviti modul, kesesuaian aktiviti modul dengan tahap kebolehan pengguna modul, kejelasan objektif, kejelasan langkah-langkah aktiviti, kejelasan arahan aktiviti modul. Hal ini dapat memastikan pembina modul dapat membangunkan sebuah modul yang berkualiti dan memiliki tahap kebolehlaksanaan modul yang tinggi di lapangan sebenar.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1997). Self-efficacy : The exercise of control. *Journal of Cognitive Psychotherapy*, 604.2, 158-166.
- Bruce, W. Tuckman & Mohammed A.W (1981). Evaluating an individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*. 18(6) : 489-495.
- Chua, Y.P. (2006, 2012). *Asas Statistik Penyelidikan. Buku 2. Malaysia : McGraw-Hill Sdn. Bhd.*
- Haleh, M.T. & Mahnaz, S. (2015). The relationship among Iranian EFL learners' self-efficacy, autonomy and listening comprehension ability. *English Language Teaching*. 8.12 (2015), 158-169.
- Jamaludin Ahmad. (2016). *Modul Motivasi Diri*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, (2010). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mariah Kamaruddin. (2017). *Kesan Modul Kemahiran Asas Menolong terhadap pengetahuan dan kemahiran asas menolong Pembimbing Rakan Sebaya*. Tesis PhD. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2018). *Pembinaan Dan Pengujian Modul*. Selangor : I Psychology and Counselling Academy.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2010). *Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep sendiri, penilaian konsep sendiri – Rakan sebaya, daya tahan dan kelangsangan remaja pertengahan yang sederhana rendah konsep sendiri*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd. Majid Konting. (2004). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2015). *Efikasi Kendiri Guru dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Sekolah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2015). *Pembinaan Modul Efikasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Prasekolah Dalam Meningkatkan Tahap Efikasi Guru dan Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Inggeris di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan IPG Kampus Zon Utara 2015. Pulau Pinang : Institut Pendidikan Guru Tuanku Bainun.

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2017). *Pembangunan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Prasekolah (MEP-BI) : Kajian Rintis*. Prosiding Seminar Pascasiswazah Kebangsaan 2017. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2017). *Analisis Keperluan : Pembangunan Modul Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris Guru Prasekolah*. Proceedings National Conference on Education Social Science, Engineering and Technology (NCESET 2017). Kedah : Association of Malaysian Researchers & Social Services (AMRASS).

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2017). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru Prasekolah*. Prosiding Seminar Wacana Pendidikan 2017 (SWAPEN). Kedah : Institut Pengurusan dan Integriti.

Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2017). *Content criterion for the Module of Efficacy Enhancement in English Teaching for Preschool Teachers based on*

Bandura Self-Efficacy Theory. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Vol. 7, No 12.

- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2018). *Kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Prosiding International Conference On The Future Of Education (IConFEd 2018)*. Pulau Pinang : Hotel Bayview.
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2018). *Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (MPEBI) Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak : Kajian Rintis. Prosiding 4th International Conference On Teacher Learning & Development (ICTLD 2018)*. Kuala Lumpur : Hotel Royale Chulan Bukit Bintang.
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz (2018). *KIT "Emotion Body Response" (EBR) Dalam Meningkatkan Penguasaan Dan Pemahaman Kosa Kata Bahasa Inggeris Di Kalangan Murid-Murid Prasekolah . Prosiding Seminar Darul Aman 2018 Peringkat Kebangsaan (SEDAR'18)*. Kedah : Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman.
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2018). *Pembinaan Soal Selidik Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris (SSEPBI) Untuk Mengenal Pasti Tahap Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Di Kalangan Guru Prasekolah . Jurnal Al-Hikmah, Jilid 2/2018, 10-20.*
- Pajares, F. (1996). *Self-efficacy beliefs in academic setting. Review of Educational System. 66, 543-578.*
- Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011 – 2020, (2012). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Russell, J.,D. (1974). *Modular Instruction. A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. Minneapolis, Minnesota : Burgess Publishing Company.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1981). *Pengenalan pengajaran individu dengan tumpuan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 3, 1, 54 – 62.*
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd. Noah dan Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul. Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zimmerman, B.J. (2000). *Self-efficacy : An essential motive to learn. Contemporary Educational Psychology, 25.1, 82-91.*

